

05 MAR 2000

Umno-Sabah

DUA LAGI BAHAGIAN DI SABAH CALONKAN MAHATHIR, PAK LAH

KOTA KINABALU, 5 Mac (Bernama) -- Umno bahagian Papar dan Penampang yang mengadakan persidangan perwakilan mereka hari ini, mencalonkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi jawatan Presiden Umno dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Presiden.

Ketua Menteri Datuk Osu Sukam dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak turut dicalonkan oleh kedua-dua bahagian itu untuk jawatan naib presiden.

Bagi calon naib presiden yang ketiga, bahagian Papar telah mencalonkan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman manakala bahagian Penampang pula mencalonkan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Calon anggota Majlis Tertinggi (MT) yang dinamakan oleh kedua-dua bahagian ialah: Datuk Shafie Apdal, Datuk Salleh Tun Said, Datuk Lajim Ukin, Tan Sri Kasitah Gaddam, Datuk Wira Mohamed Ali Rustam, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Seri Shahidan Kassim, Datuk Azmi Khalid, Datuk Nazri Aziz, Datuk Dr Suleiman Mohamad, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, Datuk Seri Adnan Yaakob, Datuk Mustapa Mohamed dan Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman.

Pencalonan lain oleh Bahagian Papar bagi kerusi MT ialah: Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Datuk Dr Ibrahim Saad, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, Tan Sri Ramli Ngah Talib, Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Dr Hilmi Yahaya, Adam Hamid, Awang Jabar dan Datuk Dr Shafie Mohamed Salleh.

Calon-calon MT lain oleh Bahagian Penampang ialah: Datuk Osu Sukam, Datuk Anifah Aman, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Tan Sri Muhammad Muhammad Taib, Datuk Abdul Ghani Othman, Datuk Seri Abu Hassan Omar, Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, Datuk Dr Yusof Noor, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dan Abdul Azim Mohamed Zabidi.

-- BERNAMA

JS NT RHM